



## KENYATAAN MEDIA

### SARINGAN COVID-19 FOKUS PEKERJA ASING DARI DUA SEKTOR

**PUTRAJAYA** – Berkuatkuasa esok, saringan COVID-19 di bawah Program Saringan Prihatin (PSP) PERKESO akan memberi tumpuan dan keutamaan kepada **pekerja-pekerja asing** di dalam **sektor pembinaan** dan **industri kawalan keselamatan** yang beroperasi di negeri **Selangor** dan **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja**. Program ini adalah untuk majikan dan pekerja yang berdaftar dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4)

Saringan hanya akan dibuat berdasarkan janji temu yang diatur oleh syarikat terbabit dengan penyedia perkhidmatan PSP PERKESO yang dilantik. Ujian saringan boleh dijalankan sama ada di tempat kerja atau di premis penyedia perkhidmatan (*mobile screening*).

Sehubungan itu, semua janji temu yang telah dibuat dengan penyedia perkhidmatan PSP PERKESO adalah ditangguhkan sehingga dimaklumkan kelak.

Perubahan ini adalah selaras dengan arahan terkini Kerajaan yang memberi fokus saringan COVID-19 kepada pekerja-pekerja asing dalam kedua-dua sektor tersebut. Ia juga adalah selaras dengan panduan Kementerian Kesihatan untuk menjalankan saringan secara bersasar kepada golongan yang berisiko.

Saringan COVID-19 untuk warga kerja yang layak sedang dilaksanakan oleh PERKESO, salah satu agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Bagi sebarang pertanyaan, boleh hubungi talian 1-300-22-8000 / 03-4264 5555 / 03-8091 5100 ATAU emel ke [perkeso@perkeso.gov.my](mailto:perkeso@perkeso.gov.my).

**YB DATUK SERI M. SARAVANAN**  
**Menteri Sumber Manusia**  
**13 MEI 2020**